

20-11-2025

Pulau Pinang usaha tingkat bekalan air melalui teknologi penyahgaraman air laut - Kon Yeow



NIBONG TEBAL: Pulau Pinang akan memulihkan semula Projek Desalinasi Pulau Aman (PADP) yang terhenti sejak lima tahun lalu, sebagai sebahagian strategi jangka panjang untuk mencapai tahap jaminan bekalan air lebih kukuh selepas 2030.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata projek itu dimulakan 2015 oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebelum siap 2019, namun kualiti air terawat dihasilkan tidak memenuhi piawaian kesihatan ditetapkan bagi menjadi bekalan air selamat untuk digunakan.

"Selepas itu, kemudahan (projek) ini terbiar buat beberapa tahun sehingga usaha kedua (diambil) setelah yakin melalui kajian (kejuruteraan) dan cadangan daripada perunding (untuk diteruskan projek ini)," katanya ketika meninjau penambahbaikan

Loji Penyahgaraman Pulau Aman, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk K Pathmanathan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata, sekiranya teknologi PADP berjaya, kerajaan negeri akan mempertimbang beberapa lokasi lain yang boleh dibangunkan projek sama, termasuk mengambil kira soal kos memandangkan kaedah itu menelan peruntukan amat besar.

"Pulau Aman menerima bekalan air daripada Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua yang disalurkan melalui dua paip di bawah dasar yang dihantar ke tangki, di sini sebelum disalurkan kepada 94 akaun pengguna.

"Jumlahnya kecil namun amat penting bagi satu komuniti yang jauh daripada pusat dan seandainya berjaya serta baik untuk komuniti di Pulau Aman kerana dapat satu sumber alternatif, maka boleh dilaksanakan di kawasan-kawasan lain," katanya.

Kon Yeow berkata, PBAPP telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Konsortium PKNPk-Gamuda untuk memperoleh antara 300 hingga 500 juta liter sehari (MLD) air terawat bermula 2031.

"Langkah ini satu usaha penting memperkukuhkan jaminan bekalan air, namun Pulau Pinang tidak boleh seharusnya bergantung kepada satu sumber air sahaja.

"Sejak sekian lama banyak pihak mencadangkan Pulau Pinang meneroka teknologi desalinasi tetapi perlu mengakui hakikat bahawa kos menyahgaram air laut jauh lebih tinggi berbanding kos merawat air tawar dari sungai, tidak termasuk penggunaan elektrik selama 24 jam.

"Oleh itu, dapat kita simpulkan inisiatif PDAP berskala kecil ini sebenarnya membawa kepentingan besar untuk keseluruhan rakyat negeri ini," katanya.

Sementara itu, Pathmanathan berkata, projek menelan kos RM3.81 juta itu kini mencapai tahap kemajuan 26.61 peratus.

"Projek dimulakan semula pada 16 Jun lalu dan dijangka siap 15 Jun tahun hadapan," katanya.